

# Bekas pesakit strok berjaya tamatkan pengajian PhD

DE 24.11.2019 3

Anthea Peter

KOTA KINABALU: Bekas pesakit strok berjaya mendapatkan Doktor Fal-safah (Phd) dalam Pengurusan Pendidikan di Universiti Malaysia Sabah (UMS) walaupun menghadapi masalah kesihatan.

Dr Juraidah Manggul, seorang guru di SK Pantai, Labuan yang mengalami strok di otaknya pada tahun terakhir pengajian PhD pada 2017, selepas menyerahkan tesisnya untuk pembentangan viva.

Beliau mengalami pendarahan otak disebabkan pembuluh darah yang pecah di sebelah kanan otaknya, yang mengakibatkan dia kehilangan upaya bercakap dan ingatan.

Bagaimanapun, dia tetap tidak berputus asa terhadap keadaannya yang kurang bernasib baik pada masa itu.

“Apabila orang bertanya kesukarannya, saya tidak dapat menggambarkannya. Saya perlu menjalani proses pemulihan dan belajar bercakap dan ingatan. Ia merupakan strok major, oleh itu saya perlu sabar dan berdaya tahan.

“Selama tiga bulan, saya perlu menjalani latihan pemulihan. Saya juga terpaksa melakukan bacaan saya mengenai



Agnes



Juraidah

penyelidikan yang saya lakukan sekali lagi, yang mana tidak mudah.

“Tidak dinafikan ia masa yang sukar, tetapi saya berterima kasih, kerana UMS sentiasa memberi sokongan padu walaupun keadaan penyakit saya dan

keluarga saya yang sentiasa menyokong saya. Saya tidak boleh melakukannya sendiri,” katanya kepada pemberita selepas Majlis Konvokesyen UMS ke-21, di sini, Sabtu.

Dr Juraidah mula melanjutkan PhD pada 2011. Dia berjalan dengan bantuan tongkat dan sedang menerima rawatan fisiologi yang berterusan.

Sementara itu, seorang graduan PhD yang juga menjadi inspirasi dan membuktikan usia bukan penghalang dalam mencapai impian.

Dr Agnes Ku Chun Moi, seorang pen-yarahan berusia 39 tahun dengan latar belakang Muzik, menamatkan PhDnya pada usia 73 tahun.

Katanya dia memutuskan untuk melanjutkan PhD untuk membuatkan mindanya terus bekerja.

“Saya telah lama bersara. Apabila saya berusia 55 tahun, saya menyertai UMS (untuk mengajar) sehingga kini, iaitu

sekitar 19 tahun. Saya mahu teruskan supaya fikiran saya akan terus berfungsi.

“Saya tidak mahu bersara pada usia 55 dan kemudian tidak melakukan apa-apa,” katanya, sambil menambah bahawa ia juga untuk kepuasan diri sendiri.

“Saya hanya mahu mencapai sesuatu pada usia ini. Apa yang boleh dilakukan oleh orang lain, saya juga boleh lakukannya,” katanya, sambil menambah bahawa mendapatkan PhD beliau hanyalah kerja keras dan keazaman semata-mata.

Beliau berkata bahagian yang paling mencabar sepanjang pengajian PhD 6 tahun beliau adalah untuk bersabar dengan proses itu sendiri.

“Semasa saya melakukan penyelidikan, jadi apabila anda menemubual orang yang anda perlu dengar dan bersabar dengan mereka. Kadangkala apabila saya kembali kepada penyelia saya terdapat banyak data yang hilang, jadi saya perlu mengulanginya lagi.

“Mengumpul data banyak merupakan kerja yang banyak. Kesabaran adalah bahagian paling penting,” katanya.

Ditanya mengenai nasihat kepada orang muda, katanya ia penting untuk mempunyai perancangan dalam hidup.

“Jangan berputus asa dengan mudah dan sentiasa tetapkan visi dan misi dalam hidup, maka hanya itu anda akan berjaya. Saya selalu memberitahu pelajar saya. Anda tidak boleh pergi ke hari demi hari tanpa tujuan,” katanya.